

SOALAN NO: 90

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]

TARIKH : 1 Ogos 2017

SOALAN : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -

menyatakan statistik projek-projek menyediakan tukun-tukun di laut bagi mengatasi masalah kekurangan ikan di perairan Malaysia hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 2006 hingga 2016, sebanyak 180 buah tukun dengan kos keseluruhan berjumlah RM55 juta telah dibangunkan di seluruh negara merangkumi tukun konservasi dan tukun rekreasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 124 buah tukun merupakan tukun konservasi yang dibangunkan bagi tujuan pemuliharaan dalam membantu mengatasi masalah kekurangan sumber ikan di perairan Malaysia.

Bagi negeri Terengganu, sejumlah 32 tapak tukun tiruan telah dibangunkan melibatkan daerah Marang, Dungun, Kemaman, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut. Dalam pada itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia juga telah berkerjasama dengan pihak Petroleum Nasional Berhad (Petronas) bagi melabuhkan tukun tiruan daripada pelantar minyak terpakai, *Rig to Reff* di Pulau Kapas, Terengganu.

Selain bertujuan memelihara populasi ikan, tukun yang dibangunkan ini juga berfungsi sebagai alat kawalan pencerobohan vesel penangkapan ikan pukat tunda di perairan zon A.